

16/06/2015 - Majlis Pecah Tanah dan Pelancaran Projek PPA1M Bandar Damansara Kuantan Pahang

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis,

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Adnan bin Yaakob, Menteri Besar Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Muhammad Safian bin Ismail,

Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

YBhg. Ketua-Ketua Perkhidmatan, Ketua-Ketua Setiausaha dan Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Persekutuan,

Yang Berbahagia Tan Sri - Tan Sri, Puan Sri – Puan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Datin Seri – Datin Seri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

1. Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita diberi kesempatan untuk turut sama di dalam Majlis Pelancaran dan Pecah Tanah Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) Bandar Damansara, Kuantan, Pahang pada hari ini.
2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada YAB Menteri Besar Pahang dan Kerajaan Negeri Pahang yang sangat komited untuk memberi kerjasama yang sangat baik dan erat dengan Kerajaan Persekutuan di dalam menjayakan program PPA1M di Negeri Pahang.

Yang Berbahagia Tan Sri - Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

3. Kerajaan pada bulan Januari tahun 2013 telah bersetuju supaya dikaji inisiatif atau pendekatan untuk membolehkan penjawat awam terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk membeli rumah. Sehubungan dengan itu, satu program perumahan khusus untuk penjawat awam telah diperkenalkan yang dikenal sebagai

Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M). Program PPA1M ini diletak dibawah diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri (JPM).

4. Sebuah agensi ditubuhkan iaitu Unit PPA1M berperanan untuk merancang, melaksana, menyelaras dan memantau pelaksanaan program PPA1M.
5. Skim PPA1M adalah satu skim rumah mampu milik untuk penjawat awam yang menekankan kepada keselesaan daripada aspek saiz, reka bentuk, kualiti, lokasi dan harga rumah yang bersesuaian bagi penjawat awam. Rumah akan dibina oleh pemaju sama ada di atas tanah Kerajaan ataupun tanah pemaju sendiri, dan menjualkannya kepada penjawat awam yang layak.
6. Skim ini bertujuan membantu penjawat awam khususnya penjawat awam muda dan berpendapatan sederhana yang berada dalam kategori "*income trap*" untuk memiliki rumah yang berkualiti di lokasi yang strategik dengan harga yang berpatutan dan lebih rendah daripada harga pasaran. Program ini memberi manfaat kepada semua penjawat awam kerana kelayakan untuk memohon di bawah skim ini meliputi penjawat awam yang bekerja dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Negeri dan Tempatan, Badan Berkanun Persekutuan serta Badan Berkanun Negeri. Ciri-ciri utama rumah PPA1M ini selain daripada harganya yang lebih rendah daripada harga pasaran, keluasan unit-unit rumah juga mengambil kira faktor keselesaan kepada penjawat awam.
7. Pemilihan pembeli akan dilaksanakan secara undian selepas proses penyaringan dibuat bagi penjawat-penjawat awam yang benar-benar menepati kelayakan. Memandangkan harga unit-unit PPA1M yang rendah daripada harga pasaran melalui elemen subsidi kepada pembeli, maka moratorium selama 10 tahun dikenakan.
8. Kaedah pelaksanaan projek PPA1M ini berasaskan konsep Bina Kemudian Jual (BKJ) dimana pembeli hanya perlu membayar 10 peratus deposit setelah menandatangani Perjanjian Jual Beli dan baki 90 peratus dibayar sepenuhnya apabila Sijil Perakuan Siap

dan Pematuhan dikeluarkan. Di dalam menjayakan program PPA1M ini, kerjasama dan sokongan daripada Kerajaan Negeri sangat diperlukan. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri melalui Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) perlu memainkan peranan sewajarnya bagi melancarkan pelaksanaan program termasuk mewujudkan jawatankuasa penyelaras pelaksanaan projek PPA1M di peringkat Negeri dengan memberi perhatian kepada aspek kesesuaian lokasi projek, perancangan Kerajaan Negeri bagi kawasan yang hendak dimajukan, serta aspek permintaan atau prospek pembeli di kalangan penjawat awam.

9. Selain itu, peranan Kerajaan Negeri juga amat diperlukan dalam urusan berkaitan kelulusan tanah, menyegerakan kelulusan perancangan projek PPA1M serta membantu menyelaraskan cadangan pembangunan kawasan projek PPA1M dengan syarat yang dikenakan di bawah polisi perumahan negeri.

Yang Berbahagia Tan Sri - Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan

10. Saya mewakili Kerajaan Persekutuan mengucapkan terima kasih atas komitmen dan kerjasama daripada Kerajaan Negeri Pahang, kerana dengan bantuan tersebut, projek PPA1M Bandar Damansara, Kuantan, Pahang dapat dilancarkan pada hari ini. Projek ini dibangunkan di atas tanah persendirian milik pemaju iaitu Webcon Builders Sdn Bhd dengan keluasan 18.1 ekar. Projek PPA1M Bandar Damansara ini melibatkan pembinaan 217 unit teres 2 tingkat iaitu 189 unit dengan keluasan 20 x 75 kaki dan 28 unit dengan keluasan 20 X 80 kaki.
11. Tawaran pembelian unit-unit PPA1M ini akan dibuka untuk permohonan kepada semua penjawat awam dengan keutamaan diberi kepada penjawat awam yang bekerja di sekitar Daerah Kuantan, Pahang.
12. Justeru itu, saya amat berharap supaya lebih banyak lagi projek PPA1M akan dibina di negeri Pahang dan juga negeri-negeri lain di seluruh Malaysia demi memenuhi keperluan dan keselesaan kesemua penjawat awam.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Walhidayah

Wassalamua'alaikum Warahmatullahi Wabar

©2015 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2017>